

56 produk R&D IPTA dikomersial

Jualan kasar cecah RM44.3j

KUALA LUMPUR: Sebanyak 56 produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berjaya dikomersialkan dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM44.3 juta sehingga Jun lalu.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr Hou Kok Chung, berkata sebanyak 311 produk pula mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

"Mengikuti rekod dari 2006 hingga 2008, Universiti Putra Malaysia mendahului IPTA lain dengan menjalankan sebanyak 514 projek R&D di bawah Skim Penyelidikan Fundamental (FRGS).

"Ini diikuti Universiti Sains Malaysia (348), Universiti Kebangsaan Malaysia (345), Universiti Teknologi Malaysia (328) dan Universiti Malaya (278), katanya menjawab soalan tambahan Senator Mumtaz Md Nawi.

Hou berkata, kementerian sememangnya memberi penekanan yang serius dalam bidang R&D di institusi pengajian tinggi dan menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi menjana lebih banyak aktiviti dan pengkomersialan hasil R&D.

"Untuk sesebuah IPT menjadi terkenal di kalangan warga IPT dunia dan orang ramai, IPT perlu membabitkan diri secara aktif dalam projek R&D yang mendatangkan hasil berfaedah dan dapat memanfaatkan masyarakat umum," katanya.

Beliau berkata, sebanyak sembilan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula diberi kelulusan untuk menjalankan 105 projek R&D yang membabitkan dana berjumlah kira-kira RM17 juta.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Senator Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh ketika menjawab soalan Senator Shari-fah Azizah Syed Zain, berkata seramai 129 penagih sudah mengikuti program terapi gantian Methadon (sejenis dadah sintetik) yang dijalankan oleh Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) sehingga Oktober lalu.

"AADK telah menjalankan projek perintis menggunakan terapi gantian itu pada 26 November 2007 di tiga pusat khidmat AADK iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru," katanya. - Bernama

Wan Farid angkat sumpah

Calon Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh mengangkat sumpah Senator untuk penggal kedua di Dewan Negara, semalam. Turut serta mengangkat sumpah ialah Naib Ketua Wanita Umno Terengganu, Fatimah Hamat.

